




HAL EHWAL AKADEMIK



PROGRAM AKADEMIK



Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia menawarkan 12 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan 12 Program Sarjana Sains Kejuruteraan serta Doktor Falsafah. Program-program akademik di KUKUM mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Ia menitik beratkan kaedah '*lab-intensive*', iaitu dengan memberi lebih penekanan kepada aspek amali. Kursus-kursus yang ditawarkan juga menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program akademik, pelajar akan dibekalkan dengan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, pengurusan, perakaunan, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah. Pelajar juga diwajibkan mengikuti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang kejuruteraan yang mereka pelajari, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari serta mempunyai sikap yang mulia dan terpuji.


Program-program akademik yang ditawarkan di KUKUM mendukung objektif-objektif berikut:

- Mengeluarkan Jurutera yang kompeten dalam aspek teori dan juga praktikal agar dapat melaksanakan tugas-tugas kejuruteraan yang berkaitan seperti rekabentuk, penyelidikan, pembangunan, pengeluaran, penyelenggaraan, penjualan, dan pengurusan. Tugas-tugas ini seharusnya dapat dilakukan dalam kapasiti sebagai kakitangan organisasi dan juga sebagai usahawan.
- Menyumbang kepada bekalan tenaga manusia bagi memenuhi keperluan tempatan dan sejagat.
- Menyumbang, melalui pengajaran, penyelidikan dan perundingan, kepada pembangunan disiplin kejuruteraan strategik, sejajar dengan keperluan yang dirangka dalam Pelan Induk Perindustrian Negara.
- Membentuk pelajar agar mempunyai sifat patriotik dan jatidiri yang tinggi.

SENARAI PROGRAM AKADEMIK

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN (PPK)	SARJANA MUDA KEJURUTERAAN	IJAZAH TINGGI (MOD PENYELIDIKAN)
PPK MIKROELEKTRONIK	B.Eng (Kej. Mikroelektronik)	B.Sc. (Kej. Mikroelektronik)
	B.Eng (Kej. Elektronik)	B.Sc. (Kej. Elektronik)
PPK KOMPUTER & PERHUBUNGAN	B.Eng (Kej. Komputer)	B.Sc. (Kej. Komputer)
	B.Eng (Kej. Perhubungan)	B.Sc. (Kej. Perhubungan)
PPK MEKATRONIK	B.Eng (Kej. Mekatronik)	B.Sc. (Kej. Mekatronik)
	B.Eng (Kej. Mekanikal)	B.Sc. (Kej. Mekanikal)
PPK SISTEM ELEKTRIK	B.Eng (Kej. Sistem Elektrik)	B.Sc. (Kej. Sistem Elektrik)
	B.Eng (Kej. Elektronik Industri)	B.Sc. (Kej. Elektronik Industri)
PPK PEMBUATAN	B.Eng (Kej. Pembuatan)	B.Sc. (Kej. Pembuatan)
	B.Eng (Kej. Rekabentuk Produk)	B.Sc. (Kej. Rekabentuk Produk)
PPK BAHAN	B.Eng (Kej. Bahan)	B.Sc. (Kej. Bahan)
	B.Eng (Kej. Metalurgi)	B.Sc. (Kej. Metalurgi)
		PhD

CIRI-CIRI GRADUAN KUKUM



Graduan KUKUM merupakan jurutera praktikal dengan ciri-ciri berikut :

- Berkebolehan mengaplikasi ilmu asas bidang sains dan kejuruteraan
- Mempunyai kompetensi teknikal yang mendalam dalam disiplin kejuruteraan khusus yang diikutinya
- Berkebolehan berkomunikasi dan menggunakan ICT dengan berkesan
- Berkebolehan menggunakan teknik, kemahiran dan alat-alat kejuruteraan moden yang diperlukan dalam tugas-tugas kejuruteraan
- Dapat menyesuaikan diri dengan mudah untuk memenuhi kehendak industri
- Berupaya mengenalpasti masalah, mencari jalan penyelesaian, menginovasi, dan menambahkan rekabentuk serta amalan sedia ada
- Memahami tentang tanggungjawab profesional, etika, dan komitmen kemasyarakatan
- Memahami tentang keperluan pembelajaran sepanjang hayat, serta berkebolehan melaksanakannya (iaitu dapat menyesuaikan diri kepada keadaan dan kehendak semasa dengan mengaplikasi dan/atau mengemaskini ilmu dan kemahiran yang dimiliki)
- Berkebolehan bekerja dengan berkesan dalam pasukan sehingga dapat menyumbang kepada hubungan kerja yang efektif serta pencapaian matlamat pasukan. Ini dilakukan dalam kapasiti sebagai ketua pasukan dan juga ahli pasukan.
- Mempunyai pandangan dan pemikiran yang global dalam soal sosial, budaya dan tanggungjawab antarabangsa.
- Mempunyai pemahaman tentang keusahawanan dan proses-proses inovasi, serta keperluan untuk merealisasikan pembangunan mampan.
- Berkebolehan menghargai nilai estetik melalui pembangunan dan aplikasi budibicara

PUSAT PEMANTAPAN AKADEMIK

PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI & KEUSAHAWANAN

Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK) adalah sebuah pusat perkhidmatan akademik. Ia tidak menawarkan apa-apa program akademik yang membawa kepada penganugerahan ijazah. Sebaliknya, ia menawarkan kursus-kursus keperluan universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar termasuk ko-kurikulum tanpa mengira program akademik yang diambilnya. Selain itu, PKKK turut menawar kursus teras seperti Matematik Kejuruteraan I, II & III serta Kemahiran Komunikasi & Teknologi Maklumat. Selain itu, pihak PKKK turut mengadakan program bersama industri iaitu Program Keusahawanan Industri (IndEnt).

PUSAT KEJURUTERAAN

Pusat kejuruteraan ditubuhkan bagi mengendalikan makmal dan bengkel umum (gunasama) yang diperlukan oleh pelbagai program yang ditawarkan di KUKUM.

Oleh kerana program-program kejuruteraan yang dijalankan pada dasarnya menitikberatkan kepada kaedah 'lab-intensive', maka penekanan yang lebih harus diberikan kepada amalan praktikal. Di samping itu, Pusat Kejuruteraan juga menyokong aktiviti-aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di KUKUM. Antara makmal yang terdapat di sini termasuklah Makmal PCB, Makmal Teknologi Mikropemprosesan, Makmal Asas Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pusat

CAD/CAM, Bengkel Kejuruteraan Elektrik, Bengkel Kejuruteraan Mekanikal, Makmal kejuruteraan Pembuatan, Pusat Pengajaran Fabrikasi IC, dan Makmal ICT.



Pusat Kejuruteraan juga menawarkan kursus Kemahiran Kejuruteraan I dan II yang wajib diambil oleh semua pelajar.

PUSAT KERJASAMA INDUSTRI

Pusat Kerjasama Industri berperanan menjalinkan hubungan dengan pihak industri dalam pelbagai aspek, terutamanya di dalam program- program yang berkaitan dengan pembelajaran pelajar. Program seperti program pendedahan kepada Industri (IndEx), Latihan Industri (InTra), Forum Bersama industri, Latihan Perindustrian Untuk Kakitangan dan beberapa program lagi diselenggarakan oleh pusat ini. Jadual untuk program-program ini sentiasa dihebahkan kepada pelajar dan staf dari semasa ke semasa.



MAKMAL DAN DEWAN/BILIK KULIAH



Kod	Kapasiti	Nama	Lokasi
BKM1	70	Bilik Kuliah 1	Taman Muhibbah
BKM2	70	Bilik Kuliah 2	Taman Muhibbah
BKP1	70	Bilik Kuliah 1 Rumah Kedai KP	Kuala Perlis
BKP2	70	Bilik Kuliah 2 Rumah Kedai KP	Kuala Perlis
BKW	90	Bilik Kuliah	Hong Leong
BKY	70	Bilik Kuliah Makmal Kejuruteraan	Kampung Wai
BTW1	40	Bilik Tutorial 1	Hong Leong
BTW2	40	Bilik Tutorial 2	Hong Leong
BTW3	40	Bilik Tutorial 3	Hong Leong
DKG1	100	Dewan Pok & Kassim	Kubang Gajah
DKG2	150	Dewan Kuliah 2	Kubang Gajah
DKG3	150	Dewan Kuliah 3	Kubang Gajah
DKG4	150	Dewan Kuliah 4	Kubang Gajah
DKG5	150	Dewan Kuliah 5	Kubang Gajah
DKM	150	Dewan Kuliah Taman Muhibbah	Taman Muhibbah
DKP1	200	Dewan Kuliah Automart 1	Kuala Perlis
DKP2	200	Dewan Kuliah Automart 2	Kuala Perlis
DKP3	250	Dewan Kuliah Automart 3	Kuala Perlis
DKP4	150	Dewan Kuliah Automart 4	Kuala Perlis
DKW1	100	Dewan Keikhlasan	Bangunan KWSP
DKW2	70	Dewan Ilmu	Bangunan KWSP
MBG1	35	Makmal Bahan 1	Kubang Gajah
MBG2	35	Makmal Bahan 2	Kubang Gajah
MBG3	35	Makmal Bahan 3	Kubang Gajah
MBG4	35	Makmal Bahan 4	Kubang Gajah
MBM1		Makmal Polimer	Taman Muhibbah
MBM2		Makmal Termodinamik Bahan	Taman Muhibbah



MBM3		Makmal Material Transport	Taman Muhibbah
MBM4		Makmal Bahan	Taman Muhibbah
MCK		Makmal Lukisan Kejuruteraan	KIK
MCP1		Makmal Komputer CAD/CAM 1	Kuala Perlis
MCP2		Makmal Komputer CAD/CAM 2	Kuala Perlis
MCP3	60	Makmal Tek. Mikro-p 1	Kuala Perlis
MCP4	60	Makmal Tek. Mikro-p 2	Kuala Perlis
MEY1	70	Makmal Teknologi Elektrik	Kampung Wai
MEY2	35	Makmal Asas Sistem Kuasa	Kampung Wai
MEY3	35	Makmal Elektronik Kuasa	Kampung Wai
MEY4	35	Makmal Instrumentasi	Kampung Wai
MKG1	64	Makmal Komputer 1	Kubang Gajah
MKG2		Makmal Asas Kej. E&E A	Kubang Gajah
MKG3		Makmal Asas Kej. E&E B	Kubang Gajah
MKW1	66	Makmal Komputer Mikro-p	Bangunan KWSP
MKW2		Makmal Komputer Rekabentuk	Bangunan KWSP
MKW3		Makmal Kejuruteraan Komputer	Bangunan KWSP
MKY1	60	Makmal Komputer Kampung Wai 1	Kampung Wai
MKY2	60	Makmal Komputer Kampung Wai 2	Kampung Wai
MKY3	60	Makmal Komputer Kampung Wai 3	Kampung Wai
MKY4	60	Makmal Komputer Kampung Wai 4	Kampung Wai
MKY5	60	Makmal Komputer Kampung Wai 5	Kampung Wai
MKY6	60	Makmal Perhubungan1	Kampung Wai
MKY7	60	Makmal Perhubungan2	Kampung Wai
MKY8	60	Makmal Elektronik Termaju	Kampung Wai
MMP1	10	Makmal Fizik Semikonduktor	SMI
MMP2/FA	35	Makmal "Failure Analysis"	SMI
MMP3/CRP	12	Clean Room	SMI
MNY1		Makmal Kawalan 1	Kampung Wai
MNY2		Makmal Kawalan 2	Kampung Wai
MNY3		Makmal Dinamik 1	Kampung Wai
MNY4		Makmal Dinamik 2	Kampung Wai
MNY5	35	Makmal Mekatronik	Kampung Wai
MPP1		Makmal Rekabentuk	SMI
MPP2/TFP		Teaching Factory	SMI
MPY1	60	Makmal Kejuruteraan (Pembuatan)	Kampung Wai
MPY2	35	Makmal Termodinamik	Kampung Wai
MPY3	35	Makmal Bendalir	Kampung Wai
MPY4	35	Makmal Kawalan Proses	Kampung Wai
MPY5	35	Makmal Instrumentasi	Kampung Wai
MUW1		Makmal Komputer PKKK1	KIK
MUW2		Makmal Komputer PKKK2	KIK
MUW3		Makmal Komputer PKKK3	KIK
MUW4		Makmal Komputer PKKK4	KIK
MPY6	35	Makmal Sistem Pembuatan	Kampung Wai

AKTIVITI AKADEMIK

JANUARI 2005

- Latihan Kemahiran *Rapid Prototyping Machine* pada staf akademik PPK Pembuatan pada 4-6/01/05 di Makmal Kilang Mengajar.
- Demo Training Kit oleh DotCom Telecommunication yang dihadiri oleh beberapa orang staf akademik di Kompleks Pusat Pengajian, Jejawi pada 6/01/05.
- Taklimat Kajisemula Program Akademik Kejuruteraan Komputer & Mikroelektronik di Bilik Mesyuarat Perpustakaan pada 5/01/05.
- Perbincangan Cadangan Isu & Strategi Perlaksanaan Sektor Tertiar oleh Prof. Dr. Sazali Yaacob di Bilik Mesyuarat Utama, Blok A, KPPJ pada 12/01/05.
- Kursus LINUX di Makmal Komputer, Kampung Wai pada 19/01/05.
- Dialog Antara KUKUM Dengan Ir. Hj. Md. Mazlan, Pengarah Urusan, Engineering Accreditation Unit, Boards Of Engineers Malaysia di Bilik Mesyuarat Canselori pada 13/01/05.
- Kursus Pengajaran & Pembelajaran Berkesan (Simulasi) kepada para pensyarah di Dewan Keikhlasan pada 17/01/05.
- Teaching Mathematics With MATLAB* Anjuran Unit Matematik, PKKK & Tech Source Systems Sdn. Bhd di Tingkat 3, Bangunan KIK, Kangar pada 19/01/05.
- Lawatan Latihan Industri Pelajar Tahun 3 Kejuruteraan Komputer Ke Kelana Jaya pada 20/01/05.

FEBRUARI 2005

- Bengkel Perancangan InTra 2/2005 di Hotel Helang, Pulau Langkawi pada 15-16/01/05 disertai oleh Dekan, Timbalan Dekan dan Penolong Pendaftar.
- Lawatan Industri ke Agilent Pulau Pinang oleh Dekan PPKKP pada 3/02/05.
- Bengkel *Storyboard e-Learning* di Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis yang dihadiri oleh AJK *e-Learning* pada 4-6/02/05.
- Seminar Wacana Sosial "Hambatan Globalisasi" untuk pelajar Tahun 2, anjuran PPK Komputer & Perhubungan dengan kerjasama Jabatan HEP dan Biro Tatanegara negeri Perlis pada 5/02/05.
- Bengkel Peningkatan Kualiti Berterusan: Pendekatan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based*

Education-OBE) untuk bidang kejuruteraan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Dekan di Hotel Pan Pacific, KLIA pada 15-17/02/05.

- Pameran Peluang Pendidikan KUKUM Kali ke-2 di Ruang Legar Bangunan KWSP pada 22/02/05.
- Latihan Kemahiran *Rotational Moulding Machine* yang dihadiri oleh staf akademik PPK Pembuatan pada 24-26/02/05 di Makmal Kilang Mengajar.

MAC 2005

- Bengkel Manual Akreditasi Program Kejuruteraan 2005 dihadiri oleh Timbalan Dekan, Pengurusan Akademik & Pengantarabangsaan, Timbalan Dekan PPK Komputer & Perhubungan dan PPK Mikroelektronik di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 4-6/03/05.
- Lawatan Pemeriksa Luar PPK Komputer & Perhubungan, Dr. Kasmiran Jumari ke KUKUM pada 23/03/05.
- Kursus *PC Management & Maintenance* kepada juruteknik PPK Komputer & Perhubungan di Makmal Komputer Kampung Wai pada 30/03/05.
- Bengkel *e-Learning* kepada wakil-wakil pensyarah setiap pusat pengajian di Kangar pada 30/03/05.
- Program IndEX 2005 di Dewan IKBN yang dihadiri oleh staf akademik pada 31/03/05-01/04/05.
- Latihan Kemasukan markah Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (IUS-Student) di hadiri oleh pensyarah pada 11/03/05.

APRIL 2005

- Kursus Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan yang disertai oleh para pensyarah diadakan di Hotel Putra Palace pada 4-6 April 2005.
- Bengkel "Tenaga Pengajar Kursus Pemantapan Kemahiran ICT "Anjuran Kerajaan Negeri Perlis dengan kerjasama KUKUM di makmal Komputer, Kampung Wai pada 8-10 April 2005.
- Seminar Penulisan Jurnal Akademik yang dihadiri oleh wakil-wakil pensyarah di UiTM, Arau, Perlis pada 9 April 2006.

MEI 2005

- Latihan Kemahiran *CNC Turning Machine* yang diadakan pada 1-10/05/05 di Makmal Kilang Mengajar.

JULAI 2005

- Mesyuarat Ahli Lembaga Pengajian KUKUM Kali Keempat-Program Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan melibatkan 9 orang ahli mesyuarat jemputan dari industri dan hospital di Bilik Mesyuarat Canselori pada 12/7/05.
- Mesyuarat Penyediaan Pelan Pembangunan Induk Negeri Perlis dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan di Perlis melibatkan 7 orang Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Perlis serta beberapa Ketua Jabatan KUKUM pada 15/7/05.
- Mesyuarat Rancangan Malaysia ke 9 yang melibatkan semua wakil daripada universiti-universiti seluruh Malaysia pada 21/7/05 di Kementerian Pengajian Tinggi.
- Bengkel OBE yang dihadiri oleh Timbalan Dekan, Pengurusan Akademik & Pengantarabangsaan dan Timbalan Dekan HEP PPKKP.

OGOS 2005

- Latihan Kemahiran *Powder Metallurgy Machine* yang diadakan pada 5-9/08/05 kepada staf akademik PPK Pembuatan di Kilang Mengajar.
- Perbincangan program kerjasama antara KUKUM-KUTKM-KUKTEM-Conventry University dan kunjungan daripada Profesor Ashraf Jawaid 12/8/05
- Upacara penyerahan Jalur Gemilang dihadiri oleh semua staf KUKUM di Kompleks Pusat Pengajian di Jejawi pada 17/8/05.
- Lawatan kerja Y. Bhg. Datuk Prof. Mohd Yusof Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan IPTA di Dewan Kapitol KUKUM pada 19/8/05.
- Festival Nasyid KUKUM Edisi ke 3 di Dewan Serbaguna Kampung Wai pada 27/8/05
- Pelancaran Jalur Gemilang Gergasi yang dihadiri oleh staf dan pelajar KUKUM pada 27/8/05 di Kompleks Pusat Pengajian, Jejawi.

SEPTEMBER 2005

- Kembara Berkayak Kemerdekaan KUKUM di Terusan Tambun Tulang melibatkan pelajar dan staf KUKUM pada 3/09/05.
- Lawatan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tambun Tulang ke makmal-makmal KUKUM di Kuala Perlis pada 5/09/05.

- Program "KUKUM Bersama Sekolah Berasrama Penuh Kawasan Utara " yang dihadiri oleh pelajar Sekolah Berasrama Penuh Kawasan Utara dan staf Unit Komunikasi Korporat di Kampung Wai pada 9/9/05 .











NOVEMBER 2005


- Program "Dialog Dengan Kumpulan Perniagaan dari Australia dan Thailand yang dihadiri oleh staf akademik pada 16/11/05 di Kampung Wai, Kuala Perlis.

DISEMBER 2005


- Timbalan Dekan Pengurusan Akademik menghadiri Bengkel "*Packaging Technology Curriculum Development Workshop & Intel-USM Master Mix Mod 'Electronic Packaging' Curriculum Development Workshop* di City Bayview Hotel , Pulau Pinang pada 4/12/05.
- Latihan Kemahiran *Golean Software Solution* pada 3-7/12/05 kepada staf PPK Pembuatan di Kilang Mengajar.
- Mesyuarat JKPT - Program Akademik Baru Elektronik Bioperubatan yang dihadiri oleh Dekan Unit Ijazah Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi pada 6/12/05.
- Mesyuarat Ahli Lembaga Pengajian Ke 5 - Penawaran Program Diploma Kejuruteraan yang dihadiri oleh ahli jemputan dari industri di Hotel Putra Palace pada 29/12/05.

AKTIVITI PENGANTARABANGSAAN KE LUAR NEGARA


-  **31 Januari - 8 Februari 2005**
Lawatan kerja staf KUKUM ke Amerika Syarikat oleh Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff (Timbalan Rektor - Akademik & Pengantarabangsan), Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal (Dekan/Pensyarah) dan En. Abdul Rahman Mohd Saad (Pengarah/Pensyarah).
-  **3 - 7 Februari 2005**
Perbentangan kertas kerja bertajuk "*International Symposium on Artificial Life and Robotics 2005*" oleh Prof. Madya Dr. Mohd Rizon Muhammad Juhari.
-  **7 - 11 Mac 2005**
Seramai 3 orang staf KUKUM telah menghadiri Kursus Latihan Penyelenggaraan dan Operasi bagi alatan Mini SIMS di United Kingdom iaitu Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Prof. Madya Dr. Uda Hashim, Dekan/Pensyarah dan Cik Sanna Taking, Pensyarah.
-  **5 - 9 April 2005**
Lawatan dari 3 orang staf KUKUM ke Singapura untuk membuat pemilihan dan pembelian buku untuk diletakkan di perpustakaan KUKUM. Ia dianggotai oleh Pn. Hjh Foyziah Ahmad Nasurudin (Ketua Perpustakaan), Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom (Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni) dan En. Phak Len a/l Eh Kan (Timbalan Dekan Akademik & Penyelidikan).
-  **5 - 9 April 2005**
Mengadakan lawatan ke Univesiti-univesiti di Vietnam untuk menjalin kerjasama dan mencari kakitangan bertempat di Saigon dan Hanoi yang dianggotai oleh 2 orang staf KUKUM iaitu Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin (Rektor) dan Haji Rusli Abdul Hamid (Pendaftar).
-  **4 - 5 Mei 2005**
Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Zain (Dekan) dijemput sebagai penceramah oleh Asian Institute of Technology (AIT), Bangkok, Thailand bagi tajuk '*Management of Training Centers*'.
-  **12 - 14 Mei 2005**
Mengadakan lawatan rasmi ke Hanoi, Vietnam untuk membuat pembentangan sempena Bengkel '*Cleaner Production and Energy Efficiency for SME's*' oleh Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Zain (Dekan), Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal (Dekan), dan En. Nasrudin Abd. Shukor (Pemangku Pengarah ICT).
-  **24 Mei - 2 Jun 2005**
Seramai 2 orang staf KUKUM iaitu Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Zain (Dekan) dan En. Muhammad Najib Othman (Pegawai Perhubungan Korporat) telah mengadakan lawatan ke Qatar, Kuwait dan Emiriyah Arab Bersatu sempena 'Seminar Pendidikan, Konsultansi dan Pameran Pendidikan Antarabangsa Anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia'.
-  **29 Mei - 5 Jun 2005**
Seramai tiga orang staf KUKUM yang terdiri daripada Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin (Rektor), Prof. Madya Dr. Mohd Rizon Johari (Dekan/Pensyarah) dan Prof. Madya Ir. Mohabbatul Zaman (Timbalan Dekan/Pensyarah) telah mengadakan lawatan kerja melawat Universiti-universiti di Jepun.
-  **13 - 20 Ogos 2005**
En. Mohd Nazri Abdullah (Penyelaras Unit Pengajaran dan Pembelajaran) telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti di Australia yang bertujuan untuk melawat pusat/unit pengajaran dan pembelajaran Universiti of Quennsland, Queensland University of Technology, Western Australia University, Edith Cowan University dan Murdoch University.

 **13 - 21 Ogos 2005**


Seramai 3 orang staf KUKUM yang terdiri daripada Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff (Timbalan Rektor Akademik), Prof Madya Dr. R. Badlishah Ahmad (Dekan/Pensyarah) dan Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom (Pensyarah) telah mengadakan lawatan kerja melawat universiti-universiti di Finland.

 **15 - 17 Ogos 2005**

En. Farizul Hafiz Kassim (Pensyarah) telah mengadakan lawatan ke Brunei Darussalam untuk membuat pembentangan kertas kerja di Institute Teknologi Brunei yang bertajuk '*Brunei International Conference on Engineering and Technology*'.

 **15 - 18 Ogos 2005**

Menghadiri persidangan '*Brunei International Conferences on Engineering and Technology* (BICET 2005) di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam oleh En. Supri (Pensyarah) dan Dr. Ir. Salmah (Pensyarah).

 **15 - 18 Ogos 2005**

En. Mohd Fitri Mohamad Wahid (Pensyarah) telah menghadiri persidangan yang bertajuk '*Brunei International Conference on Engineering and Technology* di Institut Teknologi Brunei, Brunei Darussalam.

 **17 - 26 Ogos 2005**


Prof. Madya Dr. Uda Hashim (Dekan/Pensyarah) mengadakan lawatan penyelidikan ke Indian Institute Technology of New Delhi dan Indian Institute Technology of Bombay, India untuk membentangkan maklumat Penyelidikan Mikroelektronik/Nano Teknologi, perbincangan tentang peluang penyelidikan di samping mengadakan lawatan makmal Mikroelektronik dan Nanoelektronik serta mengenalpasti '*Out Source*' Proses Fabrikasi SET's-Implantation.

 **20 - 24 Ogos 2005**

En. Mohd Mizan Mohammad Aslam telah menghadiri persidangan 4th *International Convention of Asian Scholars* (ICAS4) dan membentangkan kertas kerja bertajuk '*Asian and Globalization: An Analysis from Tun Dr. Mahathir's Perspectives*' di Shanghai, China.

 **23 - 28 Ogos 2005**

Seramai 3 orang staf KUKUM yang terdiri daripada Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin (Rektor), En. Abdul Rahman Mohd Saad (Pengarah/Pensyarah) dan En. Mahamad Akmal (Pegawai Latihan Vokasional) telah mengikuti Pertandingan Robocon dan melawat Universiti di Beijing, China.

 **28 - 31 Ogos 2005**

Pembentangan kertas kerja oleh Prof. Dr. Sazali Yaacob bertajuk '*The Eight International Symposium on Signal Processing and its Application* (ISSPA 2005) di Sydney, Australia.

 **16 - 19 September 2005**

Prof. Dr. Mohd Noor Ahmad (Pensyarah) dan En. Che Mohd Ruzaidi Ghazali (Pensyarah PPK Bahan) telah membuat lawatan rasmi ke Full Base Union Co. Ltd & Power Cell Co. Ltd, Bangkok untuk melihat industri dan R&D yang dijalankan oleh syarikat-syarikat tersebut untuk memberi faedah kepada Program Kejuruteraan Bioproses.

 **1 - 7 Oktober 2005**

Seramai 3 orang staf KUKUM iaitu En. Sabri Zakaria (Pegawai Latihan Vokasional), En. Halim Harun (Juruteknik Kanan) dan En. Shahril Rosidi (Juruteknik) telah mengikuti Latihan Pengendalian dan Proses Fabrikasi '*multilayer*' PCB yang bertujuan '*hands on training to fabricate multilayer printed circuit board (PCB) using multilayer press machine*' di Mega Electronic, United Kingdom.

PEMERIKSA LUAR

- Prof. Jugdutt (Jack) Singh dari Victoria University, Australia telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik sidang akademik 2005/2006.
- Prof. Dr. Mosa Ali Abu-Rgheff dari University of Plymouth, United Kingdom telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Perhubungan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan sidang akademik 2006/2007.
- Prof. Masanori Sugisaka dari OITA University, Jepun telah dilantik sebagai Penasihat Akademik bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik sidang akademik 2006/2007.
- Dr. R. Vasant Kumar telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan sidang akademik 2006/2007. Beliau adalah 'senior lecturer'/pensyarah kanan di Department of Material Science & Metallurgy di University of Cambridge, United Kingdom.
- Prof. Dr. Gamini Dissanayake dari University of Technology, Sydney telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal sidang akademik 2006/2007.
- Dr. William John Ion telah dilantik sebagai Penasihat Akademik bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan sidang akademik 2005/2006. Beliau adalah pensyarah kanan di Department Design, Manufacturing and Engineering Management di University of Strathclyde, United Kingdom.
- Prof. Ashraf Jawaid telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan sidang akademik 2005/2006. Beliau ialah Dekan dan Pensyarah dalam Kejuruteraan Pembuatan di Coventry University.
- Prof. A. (Tony) J. Moses telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik sidang akademik 2005/2006. Beliau ialah Timbalan Pengarah di Cardiff School of Engineering dan juga Pengarah Wolfson Centre for Magnetics Technology.
- Prof. Dr. Barry Wayne William dari Heriot-Watt University, Australia telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Sistem Elektrik sidang akademik 2005/2006.
- Prof. Dr. C.G. Alexandrides Costas dari Georgia State University, USA telah dilantik sebagai Pakar Runding Akademik Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan sidang akademik 2005/2006.
- Prof. David V Edmonds SREng telah dilantik sebagai Penasihat Akademik bagi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan sidang Akademik 2006/2007.
- Prof. Veena Sahajwalla telah dilantik sebagai Penasihat Penyelidikan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan sidang akademik 2006/2007.

MoU YANG TELAH DITANDATANGANI DENGAN INSTITUSI/UNIVERSITI LUAR NEGARA

- Pada 5 Januari 2005 MoU antara KUKUM dan Universitas Sumatera Utara (USU) telah ditandatangani.
- Pada 31 Mac 2005 MoU antara KUKUM dan Coventry University Higher Education Corporation telah ditandatangani.
- Pada 18 November 2005 MoU antara KUKUM dan Tempere University of Technology telah ditandatangani.

PENGAJIAN IJAZAH TINGGI

Jumlah Pelajar Ijazah Tinggi bagi Januari sehingga Disember 2005

1. Jumlah Pelajar mengikut Program dan Mod Pengajian

Mod Pengajian	Program	Doktor Falsafah	Sarjana Sains	JUMLAH
Sepenuh Masa		3	6	9
Sambilan		1	12	13
JUMLAH		4	18	22

2. Jumlah Pelajar mengikut Pusat Pengajian

Pusat Pengajian	Sarjana Sains	Doktor Falsafah
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	4	-
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	4	1
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	3	-
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	2	-
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	3	2
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	2	1
JUMLAH	18	4

3. Jumlah Pelajar mengikut Bidang Pengajian




Bidang Penyelidikan	Jumlah
Kejuruteraan Komputer	3
Kejuruteraan Perhubungan	1
Kejuruteraan Mikroelektronik	5
Kejuruteraan Bahan	3
Kejuruteraan Sistem Elektrik	2
Kejuruteraan Mekatronik	5
Kejuruteraan Pembuatan	3
JUMLAH	22

4. Jumlah Pelajar mengikut Jantina dan Kaum

Kaum	Jantina	Lelaki	Perempuan	JUMLAH
Melayu		9	8	17
Cina		1	-	1
India		2	-	2
Lain-lain		2	-	2
JUMLAH		14	8	22


5. Pelajar Antarabangsa mengikut Negara dan Program Pengajian

Program	Negara	Pakistan	Indonesia
Doktor Falsafah		1	1
Sarjana Sains		-	-
JUMLAH		1	1



ENROLMEN PELAJAR


1. Bilangan Pelajar Mengikut Semester Pengambilan dan Program Pengajian



Graf Pelajar Mengikut Program Pengajian

PROGRAM PENGAJIAN	SEMESTER PENGAMBILAN					JUMLAH
	2002-S1	2003-S1	2003-S2	2004-S1	2005-S1	
RK02 - Kejuruteraan Elektronik		40	13	63	56	172
RK04 - Kejuruteraan Mekanikal					61	61
RK05 - Kejuruteraan Mikroelektronik	59	43	9	55	68	234
RK12 - Kejuruteraan Bahan		42	14	61	54	171
RK13 - Kejuruteraan Pembuatan		50	12	52	72	186
RK20 - Kejuruteraan Komputer	49	44	6	60	60	219
RK24 - Kejuruteraan Mekatronik		54	8	65	66	193
RK45 - Kejuruteraan Elektronik Industri		48	6	55	59	168
RK53 - Kejuruteraan Perhubungan		53	8	55	62	178
RK54 - Kejuruteraan Sistem Elektrik		48	13	54	55	170
RK56 - Kejuruteraan Metalurgi		42	9	51	57	159
RK84 - Kejuruteraan Rekabentuk Produk					38	38
Jumlah Keseluruhan	108	464	98	571	708	1949


2. Bilangan Pelajar Mengikut Semester Pengambilan dan Jantina



Graf Pelajar Mengikut Jantina

JANTINA	SEMESTER PENGAMBILAN					JUMLAH
	2002-S1	2003-S1	2003-S2	2004-S1	2005-S1	
Lelaki	53	284	67	377	432	1213
Perempuan	55	180	31	194	276	736
Jumlah Keseluruhan	108	464	98	571	708	1949

3. Bilangan Pelajar Mengikut Semester Pengambilan dan Kaum



Graf Pelajar Mengikut Kaum

KAUM	SEMESTER PENGAMBILAN					JUMLAH
	2002-S1	2003-S1	2003-S2	2004-S1	2005-S1	
Bumiputra	102	390	80	466	581	1619
Cina	3	59	16	65	80	223
India	3	13	1	40	38	95
Lain-lain	-	2	1	-	9	12
Jumlah Keseluruhan	108	464	98	571	708	1949